

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 14 BILANGAN 36 RABU 3 SEPT., 1969 1389 جمادي الاخير 20 رابو PERCHUMA



Upacara menanda-tangani perjanjian tersebut telah berlangsung di-Pejabat Majlis2 Mashuarat, Bandar Brunei dengan di-saksikan oleh pegawai2 kerajaan dan pegawai2 Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, antara-nya ia-lah Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negara, dan Yang Berhormat Peguam Negara.

Gambar atas menunjukkan Menteri Besar Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof (di-tengah2) sedang menanda- tangani perjanjian tersebut dengan di-saksikan oleh Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Pengiran Dato Paduka Momin (kiri) dan Awang Judin bin Asar, Timbalan Juru Tulis Majlis2 Mashuarat Negeri (kanan). Berdiri di-belakang ia-lah Awang Abdul Rahman bin Dato Taib, Setia Usaha Peribadi Menteri Besar dan Awang G. Clarke, Penasihat Undang2 Sharikat Minyak Shell, Brunei. Sementara gambar kanan menunjukkan Awang R. A. B. Clough, Pengarah Urusan Sharikat Minyak Shell yang telah menanda-tangani bagi pehak sharikat tersebut.



KERAJAAN TANDA-TANGANI PERJANJIAN BARU DENGAN B.S.P.

BANDAR BRUNEI. — Menteri Besar Brunei Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah menanda-tangani satu perjanjian baru dengan Sharikat Minyak Shell Brunei yang mana akan memberikan kepada Brunei satu rekod hasil sabanyak \$220 juta dalam tahun ini.

Perjanjian itu mengubahkan sharat2 pemajakan melombong minyak di-darat dan di-laut dalam bidang mendapatkan royalti dari minyak mentah.

Ia juga menentukan peringkat yang mana penjualan minyak mentah yang di-ekspot patut di-nilaikan dan penentuan masa bagi pembayaran royalti.

Harga minyak yang akan di-nilaikan untuk tujuan perchu- kaian tidak lagi berdasarkan kepada harga yang di-dapati tetapi berdasarkan kepada harga yang di-tetapkan dulu yang mempunyai hubungan dengan harga minyak di-Telok Parsi.

Terdapat juga keselamatan2 dalam perjanjian itu supaya pehak Sharikat Minyak Shell Brunei tidak di-chukai sa- chara tidak munasabah jika terdapat perubahan dalam harga minyak Telok Parsi. mutu minyak Brunei atau pun kadar belanjawan pengangkutan.

Ketika menyentuh ka-atas perjanjian baru ini dalam sidang Majlis Mashuarat Negeri dalam awal tahun ini, Pegawai Kewangan Negara, Yang Berhormat Dato Utama Awang John Lee berkata bahawa perjanjian tersebut bersama2 lain peraturan kewangan akan memberikan hasil yang belum pernah di-dapati sabanyak \$220 juta dalam tahun ini.

Kerajaan tidak berjanji hantar ahli2 M.M.D. keluar negeri

BANDAR BRUNEI. — Pega- wai Daerah Brunei dan Muara, Awang Md. Ali bin Awang Besar telah menafikan yang Kerajaan telah berjanji untuk menghantar ahli2 majlis mashuarat daerah keluar negeri untuk memerhatikan perjalanan persidangan2.

Perkara ini telah di-timbul- kan oleh Awang Arshad bin Marsal, wakil kawasan pe- milehan Berakas / Lambak yang mengatakan Kerajaan mendiamkan saja ura2 hendak menghantar ahli2 majlis terse- but keluar negeri.

Awang Md. Ali menegaskan bahawa perkara hendak meng- hantar ahli2 majlis mashuarat daerah yang di-maksudkan itu tidak-lah pernah di-janjikan oleh Kerajaan.

Awang Md. Ali yang mem- pengurusikan persidangan yang berlangsung di-Dewan Sekolah Menengah Arab Hassanul Bol- kiah pada hari Sabtu lepas telah juga menerangkan ke- dudokan usol2 yang telah di- luluskan oleh majlis dalam persidangan2 yang telah lalu.

Beliau berkata bahawa pe- laksanaan usol2 itu ada-lah

bergantung kepada persesuai- an-nya sama ada perlu di- laksanakan atau sebakel-nya.

Tugas ahli2 majlis mas- huarat daerah, tegas-nya, ia- lah bertindak sa-bagai penasi- hat kepada Pegawai Daerah dan kedudukan itu amat jelas menunjukkan bahawa usol2 yang telah di-luluskan itu tidak-lah semua-nya di-ambil tindakan.

Masalah mengenai perkara ini telah di-timbulkan juga oleh Awang Arshad bin Marsal yang minta penjelasan sama

(Lihat Muka 5)



Dayang Azadah bte Awang Besar
penyanyi terbaik bahagian wanita.

Empat orang penyanyi akan mewakili Daerah Brunei-Muara

BANDAR BRUNEI. — Awangku Emran bin Pengiran Manai dan Dayang Azadah bte Awang Besar masing2 telah di-pilih sa-bagai penyanyi terbaik dalam pertandingan Bintang Radio Peringkat Daerah Brunei-Muara yang telah berlangsung di-Dewan Raya Jabatan Penyiaran dan Penerangan dan Dewan Bahasa dan Pustaka, pada hari Jumaat lepas.

Kedua2 penyanyi itu juga akan mewakili daerah ini ka-pertandingan Bintang Radio Peringkat Seluruh Negeri yang akan di - adakan di-Bandar Brunei lewat bulan ini.

Daerah Brunei ia-lah daerah yang terakhir mengadakan pertandingan tersebut. Lain2 daerah - Belait, Tutong dan Temburong telah mengadakan pertandingan sa-rupa itu pada bulan lepas.

Sa-ramai 19 orang peserta termasuk lapan orang peserta wanita telah mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut.

Moris Lynn dan Malai Narimah bte Sheikh Othman yang masing2 menyandang naib-johan dalam pertandingan itu juga akan mewakili Daerah Brunei-Muara ka-pertandingan peringkat akhir.

Hadiah2 kepada pemenang2 dalam pertandingan pada malam itu telah di-sampaikan oleh Dayang Tinah bte Abdul Rahman, isteri Yang Di-Mulikan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Awang Mohammad Salleh bin Haji Masri.

TUTONG AKAN PUNYAI LAMPU2

JALAN RAYA YANG LEBEH BAIK

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Letrik sedang menjalankan kerja2 memasang lampu2 di-jalan raya Pekan Tutong.

Kerja tersebut yang telah di-mulakan awal bulan ini ada-lah sa-bahagian projek jabatan itu bagi membekalkan Pekan Tutong dengan lampu2 di-jalan raya yang lebih baik lagi serta perbekalan api.

Jabatan itu juga sedang menjalankan kerja2 memasang kebal2 Bandar Tutong.

Satu lagi kerja memasang kebal di-bawah-tanah, di-sepanjang batu 8 sa-hingga batu 10 Jalan Tutong telah pun selesai.

Sementara itu Jabatan Letrik sedang memasang kebal di-bawah tanah antara sa-buah stesen bekalan letrik yang kecil di-Jalan Kota Batu ka-bangunan Museum baru Brunei.

Apabila pemasangan kebal ka-bangunan Museum itu selesai, perbekalan letrik kemudian-nya akan di-sambong pula kepada rumah2 di-kawasan itu.



Ak. Emran dan Awang Moris Lynn yang akan mewakili Daerah Brunei - Muara ka - pertandingan peringkat negeri.

Daerah Temburong akan punyai balai bomba

PEKAN BANGAR. — Daerah Temburong buat pertama kalinya akan mempunyai sa-buah balai bomba kecil tidak lama lagi.

Pembinaan balai bomba tersebut telah pun selesai dan ia-nya akan menjalankan perkhidmatan-nya tidak beberapa lama lagi.

Kerja2 memasang pagar di-keliling bangunan tersebut telah pun selesai.

Bangunan balai bomba itu

di-anggarkan menelan belanja kira2 \$230,000.

Sa-buah lagi balai bomba di-Daerah Tutong telah pun menjalankan perkhidmatan-nya awal tahun ini.

Pembinaan balai2 bomba di-daerah tersebut ada-lah sa-bahagian daripada rancangan Jabatan Perkhidmatan Bomba untuk membina balai2 bomba di-kawasan2 yang mempunyai ramai penduduk-nya di-negeri ini.

Pulang sa-telah hadhiri sidang

Belia Sa-Asia

BANDAR BRUNEI. — Awang Jaya bin Abdul Latif, Naib Yang Di-Pertua Majlis Belia2 Negeri Brunei telah pulang ka-tanah ayer pada minggu lepas sa-telah menghadiri persidangan pemimpin2 Belia Sa-Asia yang telah di-adakan di-German Barat.

Pemergian Awang Jaya ka-persidangan itu ada-lah atas undangan Pertubuhan Belia Sa-Asia.

Lebih dari 30 orang perwakilan dari 10 buah negara di-Asia telah menghadiri persidangan tersebut.

Awang Jaya telah di-lantek menjadi pengerusi sidang itu yang kemudian - nya telah memutuskan berbagai2 perkara mengenai kemajuan bersama belia di-rantau Asia.

Semua perwakilan dalam sidang itu merasa kagum dengan keadaan di-Brunei, bila Awang Jaya membentangkan kertas kerja mengenai kegiatan2 belia di-Brunei dalam semua bidang termasuk kemajuan shariat kerjasama.

Awang Jaya berkata, Setia Usaha Agong Belia2 German juga telah tertarik hati akan kegiatan2 Belia di-Brunei dan beliau berchita2 akan melawat Brunei awal tahun depan.

Dalam perjalanan - nya pulang, Awang Jaya juga sempat menghadiri Persidangan Belia2 Sa-Dunia yang di-adakan di - Belgium bersama bersama dengan dua orang perwakilan Brunei - ia - itu Awang Yakob bin Ahmad, Setia Usaha Agong M.B.B. dan Awang Yahya bin Mohd. Yusof, sa-orang Ahli Jawatankuasa Tertinggi M.B.B.

Persidangan di-Belgium itu telah tamat pada 28 Ogos lepas.

Rassuluallah s.a.w. telah bersabda yang bermaksud:

"Bahawa tiap2 sa-orang daripada kamu ada-lah bertanggung-jawab, dan tiap2 kamu akan di-soal berhubung dengan tanggung-jawab itu, maka ketua ada-lah bertanggung-jawab dan ia akan di-soal berhubung dengan tanggung-jawab itu, dan lelaki bertanggung-jawab mengenai dengan keluarganya dan ia akan di-soal berhubung dengan tanggung jawab-nya itu — dan perempuan bertanggung-jawab dalam rumah suaminya, dan ia akan di-soal berhubung dengan tanggung-jawab-nya itu — dan orang gaji bertanggung-jawab mengenai dengan harta benda tuannya, dan ia akan di-soal mengenai dengan tanggung jawab-nya itu — dan sa-orang lelaki bertanggung jawab mengenai harta bapa-nya dan ia akan di-soal berhubung dengan tanggung jawab -nya itu, maka tiap2 sa-orang daripada kamu ada-lah bertanggung jawab dan kamu sekalian akan di-soal berhubung dengan tanggung jawab kamu."

Berdasarkan hadith tadi, maka dapat-lah di-fahamkan bahawa-bahawa-nya sekalian perengkat manusia yang berakal ada mempunyai tanggung jawab yang di-letakkan ka-atas-nya, dan tanggung jawab itu merupakan sa-suatu yang sa-mesti-nya di-tunaikan, kerana sa-akhirat kelak tiap2 sa-seorang akan di-soal mengenai dengan tanggung jawab-nya, ada-kah ia di-tunaikan atau sa-balek-nya.

Menyatakan hal ini Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah melafadzkan titah pada 16hb. Ogos 1969 dalam, Majlis Keshukoran anjoran Penghulu2 dan Ketua2 Kampong Daerah Brunei-Muara yang antara lain berbunyi.

"Beta sukachita menyatakan kepada penghulu2 dan ketua2 kampong di - seluruh negeri Brunei pada menjalankan tanggung jawab Awang2 sa-bagai Penghulu2 dan Ketua2

Tiga orang penuntut lanjutkan pelajaran

BANDAR BRUNEI. — Tiga orang penuntut Brunei akan bertolak ka-Kaherah pada 7 September ini untuk melanjutkan pelajaran mereka di-Universiti Al-Azhar.

Penuntut2 itu ia-lah Awang Abu Bakar bin Tengah, Awang Haji Ibrahim bin Pehin Orang Kaya Indera Lela Dato Paduka Haji Ismail dan Malai Ahmad Murad bin Syed Mashor.

Ketiga penuntut itu ada-lah bekas penuntut Koleg Islam Petaling Jaya, Selangor.

Pada masa ini enam orang penuntut Brunei sedang melanjutkan pelajaran di-Universiti Al-Azhar.

TIAP2 ORANG

MESTI MENUNAIKAN

TANGGONG-JAWAB-NYA

KHUTBAH JUMA'AT

"Tanggung-jawab merupakan sa-suatu yang mesti di-tunaikan, kerana di-akhirat kelak tiap2 sa-seorang akan di-soal mengenai dgn. tanggung-jawab-nya adakah ia di-tunaikan atau sa-balek-nya"

Kampong hendak-lah sentiasa berhubung dengan pegawai2 kerajaan beta yang berkenaan, menghadapi kesulit2 anak2 buah Awang2 jika mustahak supaya kerajaan beta dapat mengatasi-nya".

Berdasarkan titah tersebut raayat di-seluruh negeri ini hendak-lah menyedari bahawa mereka mempunyai ketua2 atau penghulu2, kepada mereka hendak-lah di-hadapkan kesulit2 supaya ketua2 dan penghulu2 yang di-lantek oleh kerajaan itu dapat berhubung dan menghadapi kesulit2 kepada kerajaan untok di-atasi, maka pemerentahan Duli Yang Maha Mulia sekarang ini menyediakan saloran2 yang sehat untok ke-

pentingan dan kebajikan raayat dan penduduk negeri ini.

Dalam pada itu Duli Yang Maha Mulia telah menyatakan kepada penghulu2 dan ketua2 kampong dengan titah Baginda saperti berikut:

"Jika ada atau berlaku sa-suatu keadaan yang tidak di-ingini yang akan menchemarkan nama baik kampong2 atau kampong yang mana Awang2 menjadi penghulu dan ketua kampong itu hendak-nya atau sa-mesti-nya lah Awang2 sa-bagai Penghulu2 dan Ketua2 Kampong memberitahu pehak yang berkenaan dengan tidak lengah yakni dengan segera."

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 3 Sept. 1969 hingga ka-hari Selesa 9 Sept., 1969 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
3 Sept.	12-24	3-41	6-30	7-42	4-41	4-56	6-13	
4 Sept.	12-24	3-41	6-30	7-42	4-41	4-56	6-13	
5 Sept.	12-24	3-41	6-30	7-42	4-41	4-56	6-13	
6 Sept.	12-23	3-39	6-28	7-40	4-40	4-55	6-12	
7 Sept.	12-23	3-39	6-28	7-40	4-40	4-55	6-12	
8 Sept.	12-23	3-39	6-28	7-40	4-40	4-55	6-12	
9 Sept.	12-23	3-39	6-28	7-40	4-40	5-55	6-12	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



Oleh itu ada-lah menjadi kewajiban kita dan menjadi tanggung jawab kita memberikan taat setia kepada kerajaan Duli Yang Maha Mulia dan menghadapi kesulit2 kita kepada kerajaan Baginda itu melalui saloran2 yang sehat, demikian surohan Ugama kita.

Peraduan membacha Koran Daerah Belait

KUALA BELAIT. — Peraduan membacha kitab suchi Al-Koran bagi orang2 dewasa di-Daerah Belait akan di-adakan pada 28 September ini di-pekerangan Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait.

Sa-orang juruchapak peraduan tersebut berkata, sebelum peraduan perengkat daerah itu di-jalankan satu pemilihan bagi kawasan2 Belait 'A' dan 'B' akan di-adakan.

Kawasan Belait 'A' meliputi Pekan Belait, Sungai Teraban dan Kuala Balai sementara kawasan Belait 'B' meliputi Pekan Seria, Sungai Liang, Rampayoh, Labi dan Bukit Sawat.

Enam orang lelaki dan enam orang perempuan dari kawasan2 pemilihan itu akan masuk bertanding untok memilih dua orang peserta lelaki dan dua orang peserta wanita bagi mewakili Daerah Belait ka - pertandingan akhir perengkat seluruh negeri yang akan di-adakan di-Bandar Brunei tidak lama lagi.

Borang2 bagi memasoki peraduan itu boleh di-dapati dari Awang Iman Zainal bin Idris, Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait bagi peserta2 kawasan Belait 'A' dan Awang Masri bin Abon, Pejabat Kewangan Sharikat Minyak Shell, Seria bagi peserta2 kawasan Belait 'B'.



3 Sept., 1969

PASTIKAN DULU

BEBERAPA perkara telah menarik perhatian kita untuk di-bicarakan bersama berikutan dengan persidangan Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara yang baru saja berlangsung dalam minggu lepas.

Perkara pertama yang ingin kita sentoh ia-lah berhubung dengan usol2 yang telah di-luluskan dalam persidangan2 yang lalu yang menyebabkan sa-orang ahli telah bertanya akan untong nasib usol2 yang di-buat mereka itu.

Masalah yang di-timbulkan ini kita percaya tidak-lah menjadi satu masalah yang baru, apa lagi kalau ia-nya di-katakan sa-bagai satu masaalah yang merumitkan. Sebab, kalau kita merujuk kembali akan inti sari dari penerangan2 yang telah di-berikan oleh pegawai2 daerah di-negeri ini berhubung dengan perkara itu, maka kita rasa pertanyaan itu tidak akan menguntungkan, apa lagi kepada pehak yang bertanya. Keempat2 pegawai daerah di-negeri ini kerap kali menerangkan bahawa tidak semua usol2 yang di-kemukakan dalam majlis2 yang sama akan diterima bulat2 oleh Kerajaan tanpa terlebih dahulu di-jalankan penyiasaan.

Tindakan Kerajaan ini bukanlah suatu tindakan yang terkeluar dari taraf atau nilai majlis itu di-ujudkan, bahkan Kerajaan akan menerima inti sari dari hasil2 perbincangan2 jika hasil2 itu membawa sa-suat yang baru dan belum pernah di-buat oleh Kerajaan, lebeh2 lagi apabila ia-nya di-fikirkan amat berguna untuk raayat.

Tetapi jika yang di-usulkan itu berkeadaan sebalak-nya dan tidak begitu mendatangkan manfaat kepada raayat, maka amat tidak lojik bagi Kerajaan untuk menganggap usol2 sa-umpama itu sa-bagai usol yang amat berguna apa lagi untuk melaksanakan-nya.

Memang benar yang usol2 itu telah di-luluskan dalam majlis, tetapi kalau di-juruk kembali kepada kenyataan pegawai2 daerah itu, maka kita akan tau kedudukan sa-benar-nya kepada usol2 yang di-maksudkan. Chuma barangkali, ahli2 majlis merasa gusar tentang usol2 mereka itu — dan untuk mentenankan kekusaran itu ada-lah amat berfaedah kalau mereka menyalasat sendiri kepada pehak2 yang berkenaan di-mana usol2 itu di-tujukan atau pun jabatan2 yang berkait rapat dengan pengemukaan usol2 tersebut.

Perkara yang kedua ia-lah berhubung dengan dakwaan sa-orang ahli yang mengatakan Kerajaan berura2 hendak meng-hantar ahli2 majlis mashuarat daerah untuk meninjau keluar negeri.

Perkataan "ura2" bermakna sa-suat yang belum pasti dan ada kaitan-nya juga dengan khabar2 angin yang di-buat2. Maka ada-lah kurang bijak jika ia-nya di-terima sa-bagai satu kenyataan dan Pengerusi Persidangan telah menjelaskan bahawa Kerajaan tidak membuat janji sa-umpama itu.

Ada-lah lebeh baik di-amalkan tabi'at memastikan terlebih dahulu supaya kita menerima nikmat2-nya kemudian.

KEPUTUSAN PERADUAN BAHATH PERENGKAT NEGERI BAGI SEKOLAH2 MELAYU

BANDAR BRUNEI. — Sekolah Menengah Melayu Pertama, SMJA Padang telah muncul sa-bagai johan dalam peraduan bahath antara sekolah2 menengah di-seluruh negeri yang telah berlangsung di-Sekolah Melayu Puser Ulak pada minggu lepas.

Dalam peraduan akhir itu, sekolah tersebut telah mengalahkan Sekolah Menengah Melayu Pertama Ahmad Tajuddin, Kuala Belait dengan mendapat 213 mata dan berjaya memenangi piala rebutan hadiah Haji Awang Othman bin Bidin, bekas Pengetua Maktab Perguruan Melayu Brunei.

Naib johan ia-lah Sekolah Menengah Melayu Pertama, Ahmad Tajuddin, Kuala Belait dengan mendapat 181.5 mata.

Dalam bahagian perempuan pula, Sekolah Menengah Melayu Muhammad Alam, Seria telah berjaya menjadi johan dengan mendapat 208 mata dan naib-johan di-menangi oleh Sekolah Menengah Melayu Pertama SMJA, Padang dengan mendapat 193½ mata.

Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas telah berjaya menjadi johan dalam bahagian Sekolah2 Rendah dengan mendapat 140 mata dan berjaya memenangi piala rebutan hadiah daripada Awang Haji Ali Khan bin Abd. Khan, Ketua Pos Agong, Brunei.

Naib-johan ia-lah Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria dengan mendapat 129 mata.

Bahagian perempuan, Sekolah Melayu SMJA, Puser Ulak telah menjadi johan dengan mendapat 152 mata dan naib-johan, Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria dengan mendapat 134 mata.

Peserta terbaik laki2 Bahagian Sekolah2 Menengah telah di-menangi oleh Awang Ahmad bin Timbang, peserta dari SMMP., SMJA, Padang dengan mendapat 90 mata dan memenangi piala rebutan hadiah daripada Jabatan Pelajaran, Brunei.

Dayang Salmah Karim dari SMMP., Muhammad Alam, Seria telah di-pilih sa-bagai peserta terbaik bagi perempuan.

Awang Fadzil bin Zaman, dari Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria telah di-pilih sa-bagai peserta terbaik dalam bahagian Sekolah2 Rendah dengan mendapat 55 mata dan Dayang Suriyati bte Ahmad dari Sekolah Melayu SMJA, Puser Ulak telah di-pilih sa-bagai peserta terbaik perempuan.

Awang Ahmad bin Timbang peserta terbaik bahagian Sekolah2 menengah sedang melafadz k a n hujjah2-nya.



Pasokan Sekolah Menengah Melayu Pertama, SMJA, Padang yang telah mendapat tempat kedua dalam bahagian perempuan.

Dua orang pegawai AMDB berkursus di-Australia

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang Sergeant dan dua orang private dari Askar Melayu Di-Raja Brunei telah berlepas ka-United Kingdom untuk menjalani kursus Asas Juruteknik Radio sa-lama sa-tahun di-Perkhemahan Catterick Pasokan Semboyan di-Yorkshire.

Mereka ia-lah Sgt. Jamaludin bin Abdullah, Pte. Yunus bin Haji Mohammad Hussein dan Pte. Bujang bin Abdul Hamid.

Kursus tersebut di-jadualkan bermula hari ini ada-lah di-anjarkan oleh Pasokan Semboyan Tentera Di-Raja British dan bertujuan untuk memberikan pengetahuan yang baik mengenai teori dan praktik sistem perhubungan talikom dan memperbaiki-nya.

Sementara itu, dua orang pegawai Askar Melayu Di-Raja Brunei di-jadualkan berlepas hari ini ka-Australia untuk menjalani latihan perang hutan dan taktik pegawai2 muda.

Mereka ia-lah Kapitan Hussein bin Ahmad dan Kapitan Abdul Aziz bin Abdullah.

Mereka akan menjalani latihan itu di-Pusat Latihan Hutan, Canungra dekat Brisbane, Queensland.

Sa-bagai tambahan, pegawai2 itu juga akan mengambil bahagian dalam latihan2 bersama2 dengan anggota pasokan Tentera Di-Raja Australia sa-lama tiga minggu.

Pegawai2 itu di-jadualkan pulang ka-tanah ayer pada 15 November, 1969.

Pertukaran pegawai2 pentadbir

BANDAR BRUNEI. — Pertukaran pegawai2 pentadbir yang melibatkan keempat2 buah daerah negeri ini telah dilakukan dan bermula pada 1 September, 1969 yang lalu.

Pegawai Daerah Temburong, Awang Johari bin Abdul Razak telah di-tukar ka-Daerah Belait untuk memegang jawatan - nya yang baru ia-itu sa-bagai Pegawai Tanah di-Pejabat Daerah dan Tanah, Belait.

Sementara Awang Md. Salleh bin Hidup, Pemangku Penolong Pegawai Daerah Belait telah memegang jawatan sa-bagai Pemangku Pegawai Daerah Temburong.

Awang Sidek bin Yahya, Pemangku Penolong Pegawai Daerah Brunei/Muara bertukar ka-Daerah Tutong untuk memegang jawatan sa-bagai Penolong Pegawai Daerah Tutong.

Sementara Awang Md. Yunus bin Haji Hussein, Penolong Pegawai Daerah Tutong menggantikan tempat Awang Sidek, ia-itu sa-bagai Pemangku Penolong Pegawai Daerah Brunei/Muara.

Awang Abdul Aziz bin Mohammad, Penolong Pegawai Daerah Temburong telah berpindah ka-Bandar Brunei untuk memegang jawatan sa-bagai Pegawai Pentadbir di-Pejabat Setia Usaha Kerajaan.

Sementara Awang Md. Kasim bin Johan, Pegawai Pentadbir Kedet di-Pejabat Setia Usaha Kerajaan menjadi Pemangku Penolong Pegawai Daerah Temburong.

Pepereksaan masuk ka-sekolah2 Menengah Arab

BANDAR BRUNEI. — Saramai 261 orang penuntut pada hari Sabtu lepas memasuki pepereksaan pemilihan ka-Sekolah2 Menengah Arab Hassanah Bolkiah, dan Raja Isteri Anak Damit Bandar Brunei.

Pepereksaan itu di-jalankan di-empat buah pusat ia-itu di-Madrasah Bandar Brunei, bagi penuntut2 di-daerah Brunei-Muara; di-Sekolah Melayu Muhammed Alam, Seria bagi penuntut dalam daerah Belait, di-Sekolah Melayu Muda Hashim Tutong bagi penuntut di-Daerah Tutong dan di-Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar.

Sa-orang juruchakap Jabatan Hal Ehwal Ugama berkata, penuntut2 yang berjaya akan masuk belajar, di-sekolah itu dalam bulan Januari tahun hadapan.



Pengarah Penyiaran dan Penerangan sedang menyampaikan chenderamata kepada Awang Abu Bakar Ahmad. Dudok di-sebelah kanan ia-lah Pemangku Timbalan Pengarah, Pengiran Mohammad.

Kerajaan tidak pernah berjanji hantar ahli2 M.M.D.

(Dari Muka 1)

ada usol2 yang telah di-luluskan itu di-diamkan saja atau sebakel-nya.

Awang Ali selanjut - nya menerangkan bahawa usol2 yang di-fikirkan membawa faedah2 yang amat berguna kepada raayat dan belum pernah di-buat oleh Kerajaan akan di-ambil berat oleh Kerajaan untuk melaksanakan-nya.

Awang Arshad juga menimbulkan tentang perkhidmatan doktor dan kakitangan di-rumah sakit besar terutama pada melayan orang2 sakit yang memerlukan rawatan segera.

Awang Arshad menceritakan bahawa beliau sendiri pernah membawa sa-orang sakit pada waktu suboh, tetapi malang-nya tidak sa-orang doktor pun yang siap sedia berada di-rumah sakit ketika itu dan doktor itu hanya datang sa-sudah di-talipon. Itu pun kata-nya, dalam masa yang agak lama baru doktor itu sampai ka-rumah sakit.

Awang Arshad mensifatkan perkhidmatan sa-umpama ini sa-bagai membimbangkan dan berharap supaya langkah2 untuk memperbaikinya akan di-lakukan segera demi untuk kepentingan orang2 sakit yang memerlukan rawatan segera.

Pegawai Daerah memberikan jaminan akan memajukan perkara ini kepada pihak yang berkenaan kira-nya keadaan yang di-sebutkan itu benar2 berlaku.

Sementara itu, Awang Saidi bin Bugal, wakil kawasan Kilanas telah menimbulkan tentang perkhidmatan tinker2 ayer Jabatan Kerja Raya di-Jalan Simpang Gadong/ Kilanas yang di-katakan-nya

telah tidak mengikut jadual yang di-perlukan.

Kata-nya, tinker2 ayer yang menghantar perbekalan ayer ka-kawasan itu kadang2 memakan masa sa-minggu sekali dan sa-tengah2 tempat dua hari sekali. Ini, tegas-nya, telah menimbulkan kesulitan bekalan ayer kepada penduduk2 di-sekitar kawasan tersebut.

Pegawai Daerah menerangkan bahawa JKR pada masa ini sedang menghadapi kekurangan tinker2 ayer untuk menghantar ayer ka-kampung2 memandang banyak-nya keperluan2 yang di-kehendaki oleh orang ramai.

Untuk mengatasi perkara ini, jelas beliau, Jabatan Kerja Raya telah pun memesan beberapa buah tinker ayer yang baru dan apabila tinker2 itu sampai nanti, orang ramai yang memerlukan-nya di-perchayai tidak akan menghadapi kesulitan2 lagi.

AMDB johan tarek tali

BANDAR BRUNEI. — Perlawanan tarek tali perengkat seluruh negeri telah di-adakan di-padang besar Bandar Brunei, pada hari Ahad.

Perlawanan tersebut, telah di-anjorkan oleh Jawatan-kuasa Tertinggi, Sambutan Perayaan Hari Keputeraan, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan, dan Yang Di-Pertuan, yang ke-23 tahun bagi Daerah Brunei Muara, dan di-kelolakan oleh Persatuan Angkatan Tunas Harapan-PATUH.

Dalam perlawanan itu, Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei, telah menjadi Johan, naib-johan, di-menangi oleh Pasokan Lorong Lima Seria, dan tempat ketiga di-menangi oleh Pasokan Pulis Di-Raja

Awang Abu Bakar bersara

BANDAR BRUNEI. — Satu majlis perpisahan telah di-adakan di-kanten Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei pada hari Isnin untuk mengucapkan selamat bersara kepada Awang Abu Bakar bin Ahmad, Pengelola Ranchangan Bahagian Melayu Radio Brunei, sa-telah berkhidmat dengan Kerajaan sa-lama lebeh kurang 17 tahun.

Untuk mengenangkan perkhidmatan-nya kepada Radio Brunei, Awang Abu Bakar telah di-hadiahkan sa-buah chenderamata yang berupa sa-buah jam meja dalam majlis tersebut.

Awang Abu Bakar ada-lah salah sa-orang pegawai yang mula2 berkhidmat dengan Radio Brunei sejak ia-nya ditubuhkan.

Awang Abu Bakar mula berkhidmat sa-bagai kerani di-pejabat British Resident dalam tahun 1952 dan telah di-tukarkan ka-Pejabat Adat Istiadat dalam tahun 1954 yang ketika itu pejabat tersebut maseh lagi berchantum dengan Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Awang Abu Bakar berkhidmat sa-bagai juruhebah Radio Brunei dalam tahun 1956. Dalam tahun itu juga beliau telah di-hantar ka-Kuching untuk menjalani latihan di-Radio Sarawak.

Dalam tahun 1959, Awang Abu Bakar di-hantar ka-Kuala Lumpur untuk menjalani latihan di-Radio Malaya dan Radio Singapura.

Beliau juga pernah di-hantar ka-Australia untuk menjalani penyiaran luar bandar sa-lama tiga bulan dalam tahun 1960.

Awang Abu Bakar telah dilantik menjadi Pengelola Ranchangan Bahagian Melayu dalam tahun 1966.

Brunei, Temburong.

Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei, telah juga memenangi Piala rebutan, yang di-kurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Pesuruhjaya Kebajikan, Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa, Awang Mohamed Salleh bin Haji Masri.

Pasokan yang menang dalam perlawanan itu, juga berpeluang melawat Kota Kinabalu dalam bulan September ini, di-mana mereka akan mengadakan perlawanan tarek tali sa-chara persahabatan dengan pasokan Persatuan SANYA, Sabah.

DALAM minggu lepas dalam perbincangan tajok 'Manusia dan Angkasa Lepas' telah saya katakan bahawa nampaknya dengan berjaya-nya lawatan Apollo 11, bukan saja menjelajahi, mencapai bulan bahkan menjelakkan angkasan2 - nya ka-permukaan bulan, maka nampaknya 'Manusia dan Angkasa Lepas' telah mulai bersilatullahim. Wujudnya sa-suat chiptaan atau ranchangan itu, sedikit banyak-nya punya hubungan erat dengan angan2 atau 'daydreams' kata orang asing.

Sa-belum manusia menjelakkan kaki di-atas permukaan bulan, sudah tentu chita2 tersebut telah lama bersemayam dalam angan2 pakar2 sains, falak, ilmu bintang atau angkasa lepas. Maka ada baiknya kalau kita tajok kechilkan perbincangan kita minggu ini dengan istilah 'Angan2'. Benar atau tidak-nya kata2 orang dulu yang berbunyi " ... kalau orang China mati kerana makan, orang India mati kerana perbualan, orang Melayu mati kerana angan2, maka orang Barat mati kerana nama " ... terpulangleh kapada pendapat saudara-saudari masing2, walaupun pada pendapat saya kata2 tersebut tidak berlaku lagi pada zaman ini.

Saya percaya dan yakin bahawa tiada satu manusia yang tidak pernah berangan2, ngelamun atau 'daydream' — laki2-perempuan, tua muda, kechil besar, semua-nya akan bersetuju sedikit banyak-nya bahawa mengkhayal dalam arti ngelamun atau berangan2 sa-kali sa-kala itu ada-lah menghasilkan bukan sahaja fikiran tetapi juga perasaan. Sifat berangan2 ini di-punyai oleh, istimewa kaum mudamudi.

Para muda remaja biasanya suka ngelamun, berangan2. Seluruh kehidupan dengan segala kemungkinan2 yang tidak di-ketahui berada di-hadapan mereka itu — yang mendukakan demikian juga yang membahagiakan kelak, walaupun yang 'am-nya di-harap chitakan mereka itu hanya-lah hal2 yang membawa kebahagiaan belaka, sa-olah hidup manusia itu hanya diselubungi oleh madu belaka tak ada walaupun sa-gelintir empedu.

Maka mereka membena mahligai besar di-angkasa lepas dan menghayalkan semua-nya yang akan mereka lakukan di-dalam dunia baru yang menakjubkan itu. Sa-orang pemuda umpama-nya mengkhayalkan diri-nya sa-bagai sa-orang pemimpin besar dengan keahlian-nya beruchap dapat mempengaruhi sekalian rakyat-nya sa-olah2 dia-nya itu besi magnit atau sa-bagai sa-orang pakar sains yang handal dengan chiptaan2, rekaan-nya

MANUSIA DAN ANGKASA LEPAS

(Sambongan minggu lepas)

yang menakjubkan masyarakat dunia atau sa-bagai sa-orang pakar ekonomi yang dengan 100% berjaya meningkatkan kewangan negeri-nya atau pun sa - bagai sa - orang askar, pahlawan yang gagah berani yang dada-nya penoh dengan segala bintang kehormatan. Pendek kata ia-lah hero dalam dunia mahligai chiptan-nya tersebut.

Pada hakikat-nya angan2, impian, khayalan yang seperti itu tidak-lah akan membawa sa-barang akibat yang burok. Oleh kerana lambat-lun muda mudi akan menghadapi dan mengalami kenyataan2 hidup yang realitis. Pada mula-nya mungkin si-pengkhayal tadi akan merasa kechewa oleh apa yang di-khayalkan-nya berlainan dengan apa yang di-alaminya. Namun perasaan kechewa ini juga lambat-lun lenyap dan di-ganti dengan suatu kesadaran bahawa hidup manusia itu di-rempahi oleh madu dan juga empedu dalam arti suka-duka. Sa-bagaimana kata sa-orang pujangga barat 'I slept and found that life is beauty; I woke and found that life is duty'.

Mengkhayal, ngelamun atau berangan2 itu memang - lah tidak salah sama sekali asalkan jangan keterlaluan dalam arti terus2an. Ada orang yang terus menerus mengkhayal dalam seluruh kehidupan mereka — mereka itu hanya-lah pengkhayal, pengkhayal belaka. mati2 dalam angan2 sahaja.

Mereka itu hanya menanti2-kan senantiasanya menantikan jatoh-nya wang ringgit dari langit, tanpa melakukan mengerjakan sa-suat apapun. Khayalan, angan2, lamunan demikian ada-lah menjadi batu terantok bagi kehidupan manusia. Jangan kata ka-angkasa lepas atau ka-bulan, sedangkan ka - Labuan pun mereka tidak akan sampai.

Ada juga orang yang bukan hanya berangan2, ngelamun, mengkhayal, tetapi dengan sadaya upaya chuba mencapai, mewujudkan angan2 mereka. Dapat-lah barangkali jika kita umpamakan mereka seperti sa-orang yang sa-telah membena mahligai di-angkasa, dia membuat dasar2-nya agar mahligai tersebut dapat berdiri di-atas nya. Sudah barang tentu tidak - lah semua-nya angan2, impian, khayalan ataupun chita2 yang di-sokong dengan usaha, walaupun dengan sa-penoh daya upaya itu akan berjaya 100%, tetapi keazaman bagi mewujudkan chita2 itu, kemahuan mengerjakan sa-suat itu ada-lah suatu fakta yang mahamustahak dalam mencapai kejayaan, bukan-kah demikian?

Mari-lah kita alihkan ingatan kita kapada Sokan Olympik yang berlangsung di-Bandar Raya Mexico pada tahun 1968, dalam pada mana banyak rekod2 dunia di-pecahkan oleh olahragawan-olahragawannya. Sa - bagai chontoh kita ambil saja-lah umpama-nya yang berikut:

Lumba bernang 100 meter gaya bebas; Lelaki di-menangi oleh Michael Wenden dari Australia dengan masa 52.2 sa'at, dan perempuan di-menangi oleh Jan Henne dari Amerika Sharikat dengan masa satu minit.

Lumba lari 100 meter: Lelaki — di-menangi oleh Jim Hines dari Amerika Sharikat dengan masa 9.9 sa'at, dan perempuan di-menangi oleh Wyomia Tyus dari Amerika Sharikat dengan masa 11.0 sa'at.

Angkat besi: heavyweight di-menangi oleh Alexander Medved dari Soviet Russia dengan angkatan sa-jumlah 1,261 pounds.

Pada keseluruhan-nya pasokan olahraga Amerikat Sharikat menyandang johan Olympik 1968 dengan jumlah 107 pingat termasuk 45 pingat emas, pasokan olahraga Soviet Russia sa-bagai naibjohan dengan jumlah 91 pingat termasuk-lah 29 pingat emas, dan pasokan Hungari mendapat tempat ketiga dengan jumlah 32 pingat termasuk-lah 10 pingat emas.

Nah, saudara-saudari, d a p a t k a h olahragawan-olahragawannya Amerika Sharikat, Soviet Russia dan Hungari menduduki tempat pertama, kedua dan ketiga andaikata mereka itu hanya mengkhayal, ngelamun atau berangan2 sahaja tanpa ber-lateh mati-matian untuk mencapai kejayaan?. Sudah tentu tidak bukan!. Memang benar umpama-nya kejayaan luar biasa yang di-chapai oleh Jim Hines terletak kapada banyak fakta2 umpama - nya masa latehan yang berjadual waktu, makanan zat2 dan vitamin yang chukok dan sa-bagai-nya. Tetapi asas-nya sudah tentu keazaman untuk mencapai kejayaan dan kemahuan ber-lateh dengan tidak jemu2-nya.

Manusia dan Angkasa Lepas dengan berjaya-nya Apollo 11 ka-bulan nampak-nya sudahpun bersilatullahim, saya harap para para pelajar yang akan menghadapi peperiksaan S.C., M.C.E., H.S.C., tahun ini juga akan bersilatullahim dengan kejayaan yang penoh.

Sekian dan terima kasih.

Pembinaan bangunan tambahan S.T.P.R.I. berjalan lancar

BANDAR BRUNEL. — Kerja pembinaan bangunan tambahan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri di-Bandar Brunei sedang berjalan dengan lancar dan di-jangka siap tahun depan.

Bangunan tambahan itu akan mempunyai 12 buah bilek darjah, dua buah bilek makmal sains, sa - buah khutub khannah, bilek2, seni dan pertukangan tangan, sa-buah bilek jahit menjahit dan pelajaran urusan rumah tangga.

Komplek tersebut juga akan mempunyai sa - buah blok asrama yang boleh menampung 104 orang penuntut.

Bilek makan yang ada sekarang ini juga akan di-perbesarkan untuk memampung penuntut2 yang semakin bertambah.

Sa-buah dewan lengkap dengan pentas, bilek2 menukar

pakaian dan gelenggang bola tampar dan badminton juga akan di-sediakan.

Sa-buah rumah baru bagi pengetua sekolah tersebut dan sa-buah padang bermain hoki juga akan di-bena.

Peperiksaan Bahasa Melayu

BANDAR BRUNEL. — Peperiksaan Bahasa Melayu bagi penuntut2 kelas dewasa peringkat rendah, menengah dan tertinggi akan di-adakan selama tiga hari mulai 24 Oktober hadapan.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran menyatakan, semua penuntut2 yang sekarang belajar di-kelas2 dewasa dan bekas penuntut kelas dewasa boleh mengambil peperiksaan itu.

Chalun2 peringkat rendah akan mengambil peperiksaan dalam bacaan, renchana, ilmu

hisab dan ejaan rumi sementara chalun2 bagi peringkat menengah dan tertinggi mengambil peperiksaan bacaan, renchana dan ilmu hisab serta ejaan rumi dan jawi.

Semua guru kelas dewasa diminta memberikan nama2 penuntut2 yang ingin mengambil peperiksaan itu dan borang2 permohonan hendaklah di-sampaikan kapada Nadzir Kelas Dewasa, di-Jabatan Pelajaran Bandar Brunei.



LUMBA BASIKAL

K. B. — BRUNEI

ANJORAN M. B. B.

BANDAR BRUNEI. — Lumba Basikal jarak jauh — dari Kuala Belait ka-Bandar Brunei anjoran Majlis Belia2 Negeri Brunei akan di-adakan pada 29 September ini.

Perlumbaan sa-juah 67 batu itu ada-lah kali kedua-nya di-anjorkan oleh majlis itu dan ia-nya ia-lah sa-bagai memperingati Hari Kepuspaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di - Pertuan Negeri Brunei.

Perlumbaan itu terbuka kapada belia2 di-seluruh negeri dan ia-nya akan di-bahagikan kapada dua bahagian ia-itu Bahagian Perseorangan dan Bahagian Berpasokan.

Pengerusi Perlumbaan, Ak. Haji Mohammad menyatakan, peserta2 dalam bahagian berpasokan boleh juga mengambil bahagian perseorangan.

Tiap2 satu pasokan hendaklah mengandungi lima orang peserta.

Awang Zainuddin bin Dato Marsal (kiri) dan Cpt. K. H. Burke senyum riang bersama2 dengan piala2 kemenangan mereka dalam perlumbaan pesta go-kart di-Singapura baru2 ini.

Kedua2 pelumba go-kart Brunei itu telah menunjukkan kehandalan mereka dalam perlumbaan2 tersebut dan memenangi beberapa perlumbaan.

Awang Zainuddin telah mendapat tempat2 pertama dalam perlumbaan kelas tiga (7 pusingan) dan perlumbaan Memperingati Laurel, sementara Cpt. Burke memenangi tempat pertama dalam perlumbaan kelas satu (7 pusingan) dan tempat ketiga dalam perlumbaan Memperingati Laurel.

Perlawanan tinju antara tiga wilayah Borneo

BANDAR BRUNEI. — Perlawanan tinju tiga wilayah — antara Brunei, Sabah dan Sarawak — akan di-adakan pada 27 dan 28 September ini.

Setia Usaha Persatuan Tinju Amateur Negeri Brunei, Awang S. Palaniandy berkata, jika tarikh yang di-tetapkan itu di-persetujui oleh Sabah dan Sarawak, maka perlawanan itu akan di-adakan di - Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei

Perlawanan tersebut ada-lah untuk merebut Piala Rebutan Antara Wilayah yang di-hadiahkan oleh Sharikat Penerbangan Cathay Pacific.

Brunei pada masa ini memegang piala tersebut.

Mengulas tentang peluang pasokan Brunei untuk mempertahankan kejohanan - nya, Awang Palaniandy berkata dalam perlawanan kali ini Brunei akan bertandingan tanpa peserta Sgt. Yunus bin Haji Tudin, johan bahagian

flyweight kerana beliau sekarang ini menjalani latehan tentera di-seberang laut.

Awang Palaniandy berkata, satu lagi perlawanan tinju sedang di-susun untuk memilih

ahli2 tinju untuk mewakili Brunei ka - perlawanan tinju Asia yang ke-empat yang akan di-adakan sama ada di-Kuala Lumpur atau Hong Kong dalam tahun ini.

JAWATAN KOSONG

Sa-bagai Atendan Rumah Sakit

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa dari pada ra'ayat D.Y.M.M Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sa-bagai ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk jawatan Atendan Rumah Sakit di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti - lah lulus sekurang2 - nya Darjah V Sekolah Melayu dan juga mempunyai sedikit pengetahuan dalam bahasa Inggeris.

Tugas2:

Chalun2 yang terpilih akan di-tempatkan di-Rumah2 Sakit Kera-

jaan, Gedong2 Ubat dan di - Klinik2 Kesihatan. Mereka mesti-lah bersedia menjalankan tugas sama ada siang atau malam di-mana2 daerah di-negeri ini.

Gaji:

Dalam sukatan Gaji F. 2-3-4 EB 5 — \$180 x 5 — 240/EB/250 x 10-270.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak - lah di - kembalikan kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 21 September, 1969.

PEMERESAN


KESIHATAN

Awangku Haji Mohammad berkata, sa-belum perlumbaan di-adakan, satu pemeriksa-an kesihatan oleh pegawai perubatan akan di-adakan bagi menentukan sama ada peserta2 itu layak menyertai perlumbaan itu atau pun sa-balek-nya.

Bayaran bagi menyertai perlumbaan tersebut akan dikenakan \$2.00 bagi perseorangan dan \$5.00 bagi berpasokan.

Borang2 permohonan boleh di-dapati dari Awangku Haji Mohammad, di-Jabatan Sukatan dan Timbangan, Awang Jaafar bin Buntar, Pejabat Buroh Bandar Brunei, Awang Masri bin Haji Arshad, Pejabat Buroh, Kuala Belait dan Awang Junaidi bin O. K. S. N. Safar, Kampong Keriam Tutong.

SI-TUYU oleh:m.salleh ibrahim



Pengeluaran geran2 tanah kepada 245 penduduk di-Berakas di-tanggohkan

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan telah menerangkan kedudukan mengenai penangguhan pengeluaran geran2 tanah yang pada mula-nya di-pinjamkan sa-chara sementara kepada 245 orang penduduk di-empat buah kampung di-Berakas.

Kampung2 itu ia-lah Kampung Burong Pinggai Berakas "A", Kampung Delima Satu, Kampung Delima Dua dan Kampung Pulaie yang penduduk2-nya kebanyakan datang-nya dari beberapa buah kampung berhampiran di-Bandar Brunei termasuk Kampung Ayer.

Perkara ini telah di-bangkitkan oleh Awang Haris bin Judin, wakil kawasan Delima dalam persidangan Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara yang berlangsung di-Dewan Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkhiah pada hari Sabtu lepas.

Pegawai Daerah Brunei dan Muara Awang Md. Ali bin Awang Besar selaku pengerusi persidangan itu dalam memberikan jawapan-nya telah berkata bahawa penangguhan itu telah di-putuskan oleh Majlis Mashuarat Menteri2 sa-hingga sempadan2 bagi Peta2 Perkembangan Bandar di-ketahui.

"Ini, kata-nya, ada-lah termasuk juga sa-hingga selesai-nya baki permohonan2 tanah yang di-hadapkan oleh rakyat negeri ini sa-belum tahun 1955.

Beliau menjelaskan bahawa perkara ini harus selesai dalam jangka sa-lama kira2 dua tahun termasuk kerja2 untuk menyiapkan satu peta yang lain lagi mengenai kedudukan tanah2 tersebut.

Lebih dari 1,400 permohonan sa-belum tahun 1955 telah di-hadapkan dalam tahun 1967 dan chuma sedikit saja bilangan-nya yang masih belum di-hadapkan lagi berhubung dengan perkara2 waris yang belum di-tentukan atau permohonan-nya belum dapat di-hubungi.

Walau machammana pun, tegas beliau, geran2 tanah telah pun di-keluarkan kepada 28 penduduk di - Kampung Padang Bunut dan 91 penduduk di-Kampung Burong Pinggai Berakas "B".

Menjawab satu soalan yang lain yang juga di-hadapkan oleh Awang Haris bin Judin, Awang Md. Ali menegaskan bahawa sa-jauh ini belum lagi di-berikan lisen2 pendudukan sementara kepada ahli2 Persatuan Peladang Chawangan Delima Satu/Si-Raja Muda.

Tetapi, kata-nya, jika ada dakwaan yang mereka telah di-beri lisen itu, maka Pesuruhjaya Tanah ingin melihat lisen2 tersebut untuk men-



Awang Mohd. Ali bin Awang Besar.

gambil keterangan2 yang terkandung di-dalam-nya untuk di-siasat.

Walau machammana pun, Awang Md. Ali tidak menafikan tentang permohonan dari ahli2 persatuan peladang itu untuk mendapatkan lisen pendudukan sementara, bahkan Kerajaan telah memberikan layanan yang sewajar-nya dan telah meminta keterangan2 mengenai tiap2 pemohon tersebut.

Tetapi, tegas beliau, wakil ahli2 yang memohon itu telah tidak memberi keterangan2 yang di-perlukan.

Awang Md. Ali memberi penjelasan tentang kedudukan orang2 yang menduduki tanah2 di-sabalah selatan Kampung Anggerek Desa sa-bagai orang2 yang menduduki tanah Kerajaan tanpa kebenaran.

Hal ini telah pun di-hadapkan untuk di-bawa ka-sidang Majlis Mashuarat Menteri2, kata beliau.

Awang Md. Ali juga telah memberikan penjelasan atas tiga soalan mengenai bekalan peti radio sa-chara ansonan, bekalan elektrik di-kampung ayer dan mengadakan bilek bapahan awam di-Kampung Ayer seperti yang di-luluskan dalam majlis mashuarat daerah baru2 ini.

Ketiga2 soalan itu telah di-kemukakan oleh Pengiran Md. Samli bin Pengiran Lahab, wakil kawasan Pekan Lama.

Awang Md. Ali berkata bahawa Kerajaan masa ini masih lagi memberikan peluang kepada orang ramai untuk memiliki peti radio dengan bayaran beransor2.

Bekalan elektrik kata-nya belum lagi ada tarikh yang di-tetapkan untuk membekalkan kawat elektrik di-kawasan Kampung Ayer.

Mengenai chadangan yang telah di-luluskan oleh majlis itu, Awang Md. Ali menjelaskan bahawa chadangan itu belum boleh di-laksanakan sekarang, memandangkan kepada Bilek Bachaan yang telah di-sediakan di-bangunan Siaran Radio dan Penerangan.



Pegawai Pemerintah kapal penyapu periok api HMS Kirkliston, Lt. Commander, Cole sedang di-perkenalkan kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan oleh Ketua Surohanjaya Tinggi British, Awang E. W. Bird (di-kiri sekali) ketika Pegawai Pemerintah kapal tersebut mengadap di-Istana Darul Hana. Di-tengah ia-lah Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Di-Raja, Pengiran Anak Chuchu.

Kapal Angkatan Laut British melawat Brunei

BANDAR BRUNEI. — Sa-buah kapal penyapu periok api dari Angkatan Tentera Laut Di-Raja British telah melawat ka-Brunei pada 30 Ogos lepas.

Kapal penyapu periok api HMS Kirkliston di-bawah pemerintahan Lt. Commander M. C. Cole telah berada di-sini sa-lama tiga hari.

Lt. Commander Cole dengan di-iringi oleh Ketua Surohanjaya Tinggi British, Awang E. W. Bird telah mengadap dibawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan di-Istana Darul Hana.

Ketika berada di-sini, anak2 buah kapal Kirkliston itu telah di-bawa melawat ka-beberapa tempat yang menarik di-negeri ini dan juga mengadakan beberapa perlawanan2 bola sepak, hoki dan cricket dengan pasukan tempatan.

Kapal penyapu periok api itu juga telah di-buka kepada orang ramai sa-lama dua hari sa-belum ia-nya meninggalkan Brunei pada hari Isnin lepas.

Pegawai Kenderaan berkursus di-K.L.

BANDAR BRUNEI. — Dua orang pegawai Jabatan Kenderaan Darat Brunei telah berlepas ka-Malaysia Barat pada minggu lepas untuk menjalani latihan sa-lama empat bulan, di-Jabatan Kenderaan Darat di-Kuala Lumpur.

Mereka ia-lah Awang Abdul Latiff bin Badar, Pegawai Melesen bagi Daerah Brunei dan Awang Hassan bin Abdul Razak Pegawai Melesen bagi Daerah Belait.

Sa-lama menjalani latihan mereka juga akan membuat lawatan ke-pejabat2 Jabatan Kenderaan di-Pulau Pinang, Johore dan Kelantan.

Jangan lekas perchaya dengan surat2 wasiat

BANDAR BRUNEI. — Kadzi Besar Brunei, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Mohammad Zain bin Haji Seruddin telah menasihatkan orang ramai supaya jangan lekas memperchayai berita2 palsu yang terkandung dalam surat2 wasiat yang di-sebarkan kepada orang2 Islam di-negeri ini.

Kadzi Besar itu memberikan nasihat itu berikutan dengan beberapa pengaduan kepada Jabatan Hal Ehwal Ugama mengenai dengan surat2 wasiat itu.

Surat wasiat itu yang ditulis oleh sa-orang yang tidak di-kenali, antara lain menyatakan bahawa 60,000 orang umat Islam mati, tidak sa-orang pun beriman dan barang siapa menyebarkan berita2 surat wasiat itu dengan membahagi2-kan kepada orang lain ia-nya akan mendapat bahagian dalam tempoh dua minggu dan siapa yang tidak menyebarkan-nya ia akan mendapat benchan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja berkata, surat wasiat itu tidaklah boleh di-perchayai dan orang Islam mesti-lah memberhentikan penyebaran surat2 wasiat itu kerana ia-nya menggelirukan fikiran orang2 Islam sendiri.